

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

RICE CHECK PADI

EDISI 2022

RICE CHECK PADI



BK 255/12.22/75
ISBN 978-983-047-315-4

Cetakan Pertama 2022

Edisi Pertama 2022

© Hak cipta Jabatan Pertanian Malaysia,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Pembangunan Industri Tanaman

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

RICE CHECK : PADI.

ISBN 978-983-047-315-4 (hardback)

1. Rice--Malaysia.
 2. Rice--Planting--Malaysia.
 3. Rice farming--Malaysia.
 4. Government publications--Malaysia.
- 633 .1809595

Diterbitkan oleh: Jabatan Pertanian Malaysia

Aras 7-17, Wisma Tani,
No.30 Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 Putrajaya
Tel : 603 - 8870 3042
Faks : 603 - 8888 5069
Laman Web: <http://www.doa.gov.my>

KANDUNGAN

iv

PRAKATA

Ketua Pengarah Pertanian

01

Bab 1

MAKLUMAT ASAS TANAMAN PADI
DI MALAYSIA

07

Bab 2

BENIH PADI

17

Bab 3

RICE CHECK

62 RUJUKAN

63 PENGHARGAAN



PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya Buku *Rice Check Tanaman Padi Edisi 2022* ini dapat diterbitkan.

Secara umumnya buku ini merupakan panduan asas dalam memastikan pengurusan tanaman padi sawah di Malaysia dapat dilaksanakan dengan baik. Melalui buku ini, kesemua aspek penting dalam pengurusan sawah padi dikupas dan dijadikan sebagai point-point yang dinamakan sebagai ‘check’ bermula dari seawal kerja-kerja penyediaan tanah sawah sehingga kepada pengurusan penuaian hasil.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan Buku *Rice Check Tanaman Padi Edisi 2022* ini akan dijadikan sebagai panduan dan rujukan utama di semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), pesawah serta pihak penyedia perkhidmatan. Harapan saya juga, semoga pengurusan tanaman padi yang dilaksanakan berdasarkan kesemua ‘check’ daripada buku ini serta penggunaan teknologi terkini dapat meningkatkan lagi Tahap Sara Diri (SSL) padi dan seterusnya dapat memacu ke arah merealisasikan visi kerajaan dalam menjamin keselamatan bekalan dan kedaulatan makanan di dalam negara.

Bagi memastikan naskah rujukan ini sentiasa relevan dan mengikuti peredaran zaman tanpa mengeneピkan objektif asal peningkatan pengeluaran padi negara, Buku *Rice Check Tanaman Padi* ini akan sentiasa disemak dan ditambah baik dari masa ke semasa. Setiap saranan, cadangan serta perkongsian pendapat daripada para pembaca amat dialu-alukan dan akan dibincangkan secara terperinci oleh para sidang pengarang bagi penerbitan edisi akan datang. Akhir kata, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menerbitkan buku ini.

Sekian.



DATO' ZAHIM BIN HASSAN

Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia
2022



MANUAL PENANAMAN PADI

BAB 1

MAKLUMAT ASAS TANAMAN PADI DI MALAYSIA

Keluasan tanaman padi di Malaysia (berdasarkan data tahun 2020^e)




Kawasan Penanaman Padi	Keluasan (ha)	Pengeluaran (tan)	Produktiviti per hektar (tan)
Dalam Jelapang	416,436	1,838,146	4.41
Luar Jelapang	228,418	578,898	2.53
JUMLAH	644,854		

Jumlah pesawah padi di Malaysia (berdasarkan data tahun 2020^e)



Populasi penduduk Malaysia tahun 2021 (data daripada Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dalam Laporan Akhbar Berita Harian, bertarikh 4 Julai 2022)



Populasi penduduk Malaysia adalah seramai **32,447,385** orang.

Warga negara seramai **29.8** juta orang; manakala bukan warga negara seramai **2.7** juta orang.

Pecahan mengikut umur adalah seperti berikut:
 0 – 14 tahun = **7.8** juta orang
 15 – 64 tahun = **22.5** juta orang
 >65 tahun = **2.2** juta orang

Penggunaan beras per kapita (berdasarkan Dokumen Ringkasan Eksekutif Dasar Agromakanan Negara 2.0 2021-2030, di bawah tajuk Penggunaan Per Kapita Komoditi Makanan Utama, m/s 10)

Penggunaan beras per kapita pada tahun 2020^f adalah sebanyak 76.5 kg/tahun. Trend penyusutan sebanyak 0.40% berbanding tahun penggunaan beras per kapita pada tahun 2010.

Sektor/ Butiran	2010	2020 ^f	Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (CAGR) - (%)
	KG/tahun	KG/tahun	2010 – 2020 ^f
Beras	79.6	76.5	(0.40)
Buah-buahan	93.0	78.0	(1.74)
Sayur-sayuran	54.7	65.1	1.76
Daging Lembu	5.6	6.1	0.86
Daging Kambing	0.8	1.2	4.14
Daging Babi	19.9	18.5	(0.73)
Daging Ayam/Itik	35.0	46.8	2.95
Telur Ayam/Itik*	295.0	361.5	2.05
Susu Segar**	0.7	2.1	11.61
Perikanan	45.5	51.5	1.25

^f – unjuran

*Biji telur

**Liter

Konversi daripada padi kepada beras adalah sebanyak 62.67% ~ 63%, iaitu; sebanyak 1.59 kg padi diperlukan bagi menghasilkan sebanyak 1 kg beras.

Keperluan beras berdasarkan populasi penduduk Malaysia adalah: $32,447,385 \text{ orang} \times 76.5 \text{ kg/tahun} = 2,482,224,950 \text{ kg} = 2,482,224.95 \text{ tan beras}$.

Konversi beras kepada padi adalah:

Formula: $\chi \tan \text{ padi } 63\% = \tan \text{ beras}$

$\gamma \tan \text{ beras} = 2,482,224.95 \tan \text{ beras}$.

Maka $\chi = 3,940,039.60 \tan \text{ padi}$

Imbangan pengeluaran dan permintaan padi adalah:

Pengeluaran padi (2020 ^e)	=	2,417,044 tan
Permintaan padi (2020 ^e)	=	3,940,039.60 tan
Kekurangan/Lebihan padi	=	-1,522,995.60 tan
Sasaran stockpile padi	=	-200,000 tan
Jumlah besar kekurangan padi	=	-1,722,995.60 tan
Standard pemutuan padi (ruj: MARDI, 2016)	=	80%

Bagi memenuhi keperluan padi negara (mengikut keperluan tahun 2020^e), negara perlu mengeluarkan padi sebanyak seperti pengiraan berikut:

$$\chi \text{ tan padi} \times 80\% = 3,940,039.60 \text{ tan}$$

$$\text{maka } \chi \text{ tan} = 4,925,049.50 \text{ tan}$$

Sekiranya produktiviti pengeluaran dapat ditingkatkan kepada **7.64 tan/ ha** tanpa berlaku kekurangan kawasan dan intensiti tanaman padi di Malaysia, Malaysia mampu mengeluarkan sebanyak 4,926,684.56 tan padi.

Melalui rekod, produktiviti pengeluaran hasil padi nasional tahun 2020^e adalah sebanyak 4.5 tan/ ha.

Asas harga jual beli padi/ beras dalam industri padi/ beras

Harga benih = RM35/ bag @ 20 kg/ bag

Harga jualan padi ke kilang = RM 1.20/ kg

Subsidi harga padi yang dibayar oleh kerajaan kepada pengeluar = RM 0.36/ kg

Harga jualan beras (sumber: Laporan Tahunan 2007, BERNAS);



1 > Super Special Tempatan 5% (SST 5%) = RM 2.80/ kg



2 > Super Special Tempatan 10% (SST 10%) = RM 2.70/ kg



3 > Super Special Tempatan 15% (SST 15%) = pada kuantum kenaikan harga 20% - 30% daripada harga RM 1.65/ kg – RM 1.80/ kg mengikut zon.

Urusan Kawalan Padi dan Beras Negara adalah berdasarkan Akta 522: Kawalan Padi Dan Beras 1994 yang telah digazetkan pada 7 Julai 1994.





BAB 2

BENIH PADI

Klasifikasi biji benih (sumber: Skim Pengesahan Benih Padi, Jabatan Pertanian Malaysia)

1. Maklumat Kasifikasi Biji Benih Bagi Pengeluaran Biji Benih Padi (*Oryza sativa*)

Benih padi	:	Biji benih dari satu varieti <i>Oryza sativa</i> yang telah diperakukan oleh pihak berkuasa yang dikeluarkan untuk tujuan penanaman
Benih asas	:	Progeni benih baka yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui menepati piawaian yang ditetapkan
Benih daftar	:	Progeni benih asas yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui menepati piawaian yang ditetapkan
Benih sah	:	Progeni benih asas atau daftar yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui menepati piawaian yang ditetapkan

2. Maklumat Kasifikasi Biji Benih Bagi Pengeluaran Biji Benih Padi Hybrid

Benih padi	:	Biji benih dari satu varieti <i>Oryza sativa</i> atau baka daripada <i>Oryza sativa</i> yang telah diperakukan dalam pengeluaran benih tanaman untuk tujuan penanaman
Benih baka	:	Biji benih yang dihasilkan oleh pembiak baka yang berdasarkan kawalan baka atau varieti tertentu dan dikeluarkan dengan pengawasan rapi oleh pembiak baka yang diperakui menepati piawaian yang ditetapkan
Benih asas	:	Biji benih asas adalah progeni daripada penanaman benih baka yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui menepati piawaian yang ditetapkan
Benih daftar	:	Biji benih berdaftar adalah progeni daripada penanaman biji benih asas yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui menepati piawaian yang ditetapkan
Benih sah	:	Biji benih sah adalah progeni daripada penanaman biji benih asas, berdaftar yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan diperakui menepati piawaian yang ditetapkan


A line (CMS line)	Varieti mandul jantan. Biji benih padi yang mana induk debunga betina digunakan untuk pengeluaran benih hibrid
B line (Maintainer)	Varieti pemelihara. Seperti CMS line kecuali keupayaan pendebungaan yang tinggi. Pendebungaan 2-3 hari lebih awal daripada CMS line
R line (Restorer)	Varieti pemulih. Sebarang varieti yang digunakan untuk memulihara kesuburan pada padi hibrid apabila dikacukkan dengan CMS line
Padi hibrid (F1)	Padi yang dihasilkan melalui kaedah bioteknologi percantuman dan kacukan daripada beberapa jenis benih terbaik yang berlainan bagi menghasilkan produk baru lebih berkualiti

Benih yang menjadi pilihan pesawahan [sumber: Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Malaysia (CCS Padi), 2020]

Definisi Luar Musim

Luar musim adalah tempoh kering yang mana penanaman padi biasanya bergantung kepada sistem pengairan. Untuk tujuan pentadbiran, Luar Musim ditakrifkan sebagai tempoh bila padi ditanam yang mana Tarikh mula ditanam jatuh antara 1hb Mac hingga 31hb Julai dalam tahun semasa.

Peratus Penggunaan Varieti Padi





Penggunaan Varieti Padi - Semenanjung Malaysia

PELAKSANA	MR 297	%	MR 220 CL2	%	MR 219	%	MR 269	%	SEMPADAN 303	%	SEBERNAS 307	%	MR 220	%	UKMRC-8	%
Johor	5	18.5	2	7.4	3	11.1	15	55.6	2	7.4	-	-	-	-	-	-
Kedah	353	49.9	123	31.5	38	5.4	8	1.1	28	4.0	6	0.8	25	3.5	15	2.1
Kelantan	155	33.1	182	38.9	53	11.3	9	1.9	30	6.4	18	3.8	4	0.9	3	0.6
Melaka	14	36.8	-	-	-	-	24	63.2	-	-	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	-	-	3	100	1	3.3	25	86.7	-	-	-	-	-	-	-	-
Pahang	19	14.8	13	102	11	8.6	36	28.1	28	21.9	21	16.4	-	-	-	-
Peral	113	36.8	35	114	78	25.4	12	3.9	37	12.1	4	1.3	8	2.6	12	3.9
Perlis	81	45.3	27	15.1	27	15.1	10	5.6	16	8.9	-	-	8	4.5	5	2.8
Pulau Pinang	91	82.0	-	-	11	9.9	-	-	-	-	-	-	3	2.7	-	-
Selangor	9	8.3	37	34.3	28	25.9	23	21.3	-	-	2	1.9	1	0.9	1	0.9
Terengganu	19	13.1	3	2.1	77	53.1	11	7.6	26	17.9	5	3.4	-	-	4	2.8
Sem. Malaysia	859	38.2	525	23.3	327	14.5	174	7.7	167	7.4	56	2.5	49	2.2	40	1.8

Definisi Musim Utama

Musim utama adalah tempoh yang mana penanaman padi adalah yang paling sesuai berdasarkan iklim tempatan (musim hujan) dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sistem pengairan. Untuk tujuan pentadbiran, Musim Utama ditakrifkan sebagai tempoh bila padi ditanam yang mana Tarikh mula ditanam jatuh antara 1hb Ogos hingga 28hb / 29hb/ Februari tahun berikutnya.

Peratus Penggunaan Varieti Padi



Potensi varieti padi terpilih;

1. Varieti Inbred

Bil	Varieti Padi	Tahun Istiyihar	Ciri-ciri Agronomi				Potensi Hasil Tan/ha
			Kematangan (HIT)	Tinggi (cm)	Panjang Tangkai (cm)	Berat 1000 biji (g)	
1	Malinja	1964	137-147	110-120	26	26.5	2.5-4.0
2	Mahsuri	1965	134-138	120-130	26	16.6	3.0-4.5
3	Ria	1966	125-127	91-97	24	27.7	4.5-5.6
4	Bahagia	1968	137-145	110-125	27	24.4	3.5-5.0
5	Murni	1972	135-140	85-100	24	24.5	4.0-5.6
6	Jaya	1973	123-127	93-100	26	23.5	3.5-5.0
7	Sri Malaysia I (SM1)	1974	135-145	100-115	25	23.4	4.5-5.5
8	Sri Malaysia II (SM2)	1974	128-130	95-100	26	29.2	3.9-5.0
9	Setanjung (MR 1)	1979	135-143	110-120	24	27.1	4.1-6.3
10	Sekencang (MR 7)	1979	120-125	97-120	24	24.4	3.1-5.0
11	Sekembang (MR 10)	1979	140-146	96-109	23	21.1	3.2-5.8
12	Kadaria (MR27)	1981	125-132	95-117	22	18.2	2.9-5.0
13	Manik (MR 52)	1984	140-145	115-125	25	23.8	4.0-5.0
14	Muda (MR71)	1984	126-132	110-115	26	25.8	5.0-5.5
15	Seberang (MR77)	1984	133-135	110-115	24	21.8	5.0-5.5
16	Makmur (MR73)	1985	130-140	102-112	25	24.1	4.5-5.5
17	MR84	1986	124-137	97-105	23	26.0	4.0-6.2
18	MR81	1988	132-137	99-107	23	20.5	4.2-6.0
19	MR103	1990	124-140	105-110	25	25.5	4.6-6.3
20	MR106	1990	125-140	93-98	23	21.0	4.5-7.1
21	MR123	1991	114-120	88-95	24	26.5	4.8-6.1
22	MR127	1991	120-128	101-110	25	25.3	4.7-6.0

Bil	Varieti Padi	Tahun Istyihar	Ciri-ciri Agronomi					Potensi Hasil Tan/ha
			Kematangan [HT]	Tinggi [cm]	Panjang Tangkai [cm]	Berat 1000 biji [g]		
23	MR159	1995	124-139	75-92	24	25.7	3.0-5.4	
24	MR167	1995	121-132	79-89	22	23.7	4.0-6.0	
25	MR185	1997	112-119	76-83	22	25.3	6.0-9.2	
26	MR211 (Matang Awal)	1999	99-100	56-70	25	25.5	6.0-9.6	
27	MR219	2001	105-111	76-78	23	27.1	6.5-10.7	
28	MR220	2003	105-113	76-78	23	29.2	5.0-9.6	
29	MR232	2006	103-113	77-79	26	28.9	6.5-8.7	
30	MR220 CL-1	2010	105-118	69-77	27	31.4	5.7-6.6	
31	MR220 CL-2	2010	97-100	66-72	23	26.2	5.9-6.2	
32	MR253	2010	100-104	69-74	23.8	28.5	7.0	
33	MR263	2010	97-104	59-71	25	26.0	7.19	
34	MRQ 76	2012	117	78	22	25.2	5.8	
35	MR269	2012	104-109	72-83	23-26	24.8-26	9.2	
36	MR284	2015	105-108	74-82	24-25	27-28	9.2	
37	MARDI Siraj 297	2016	110-115	64.4-70		27-29	8.6	
38	Sempadan 303	2018	104-106	120.3	28.3	28.2	10	
39	Sebernas 307	2018	107-110	114.2	27.8	32.1	10	
40	MARDI WARNA 98	2018	109-112	92-94	23-25	25.3-27.3	4.5-6.7	
41	UKMRC 2	2019	118-122	88-95	21-27	25-27	12.1	
42	UKMRC 8	2019	115-118	79-89	21-26	25-28	13.9	
43	MR315	2021	105-109	103.3-106.3	23.1-24.3		9.0	
44	NMR152 (IS 21)	2021	100 - 110	82	30	31.1		

2. Varieti Hibrid

Bil	Varieti Padi	Tahun Istiyihar	Ciri-ciri Agronomi					Potensi Hasil Tan/ha
			Kematangan (HLT)	Tinggi (cm)	Panjang Tangkai (cm)	Berat 1000 biji (g)		
1	Hybrid KADARIA 1 (MR 12H)	2019	104-106	90.4-93.4	24-27.3	26.2	10	

3. Varieti padi pulut

Bil	Varieti	Tahun Istiyihar	Ciri-ciri Agronomi					Potensi Hasil Tan/ha
			Kematangan (HLT)	Tinggi (cm)	Panjang Tangkai (cm)	Berat 1000 biji (g)		
1	Masria (Pulut)	1972	123-126	85-91	23	24.6	3.0-4.4	
2	Pulut Malaysia 1 (PM1)	1974	135-145	95-100	25	21.5	3.9-5.0	
3	Pulut Siding (MR47) (Pulut)	1981	135-143	97-115	26	26.3	2.7-4.7	
4	Pulut Hitam 9	1990	132-136	88-102	23	22.3	3.8-4.7	

4. Varieti padi wangi

Bil	Varieti Padi	Tahun Istiyihar	Ciri-ciri Agronomi					Potensi Hasil Tan/ha
			Kematangan (HLT)	Tinggi (cm)	Panjang Tangkai (cm)	Berat 1000 biji (g)		
1	MRQ 50 (Wangi)	1999	123	50-65	24	20.4	4.0-5.0	
2	MRQ74 (Wangi)	2005	125	60-70	27	22.9	4.5-5.5	
3	MRQ 76 (Wangi)	2012	117	78	22	25.2	5.8	
4	MRQ104	2021	115-122	108	25		3.0-5.4	

Kedormanan biji benih padi

Tempoh dorman biji benih padi adalah 0 hingga 8 minggu.

Cara mengatasi kedormanan (breaking dormancy) adalah dengan memanaskan biji benih pada suhu $\pm 50^{\circ}\text{C}$ selama 4 – 5 hari.

Di Malaysia, tempoh dorman telah diatasi semasa dalam loji kilang benih.

Percambahan biji benih padi

Percambahan biji benih berlaku apabila koleoptil (*coleoptile*) tumbuh/ muncul daripada biji benih.

Fasa imbibisi (imbibition stage)	→	Fasa aktif (activation stage)	→	Fasa percambahan (post germination growth stage)
0 – 18 jam		18 – 72 jam		72 jam dan ke atas (pada suhu 20°C)


Proses percambahan bermula pada kandungan kelembapan biji benih sebanyak 30 – 40 %.

Suhu pada $<8^{\circ}\text{C}$ dan melebihi 45°C , percambahan biji benih padi tidak akan berlaku.

Percambahan anak benih padi

Persekuturan yang baik bagi memastikan percambahan anak pokok padi berlaku dengan baik adalah:

1. Suhu
 - Suhu yang optimum untuk percambahan anak benih pokok padi adalah $25 - 30^{\circ}\text{C}$.
 - Suhu $>40^{\circ}\text{C}$ akan sebabkan anak benih mati.
 - Suhu $<10^{\circ}\text{C}$ akan sebabkan biji benih tidak bercambah.
2. Oksigen
 - Percambahan anak benih pokok padi yang baik memerlukan oksigen sekitar 5 – 6 ppm.
 - Kekurangan oksigen akan sebabkan pertumbuhan akar terbantut dan pertumbuhan serta perkembangan koleoptil kelihatan tidak normal.



Gambar A: menunjukkan biji benih yang bercambah dengan baik dengan kehadiran oksigen yang mencukupi.

Gambar B: menunjukkan percambahan biji benih yang kurang baik iaitu bercambah dalam keadaan kurang oksigen.

Fasa Pertumbuhan Pokok Padi

	Fasa Pertumbuhan	Tempoh
Fasa Pertumbuhan Vegetatif (Vegetative growth)	Percambahan (germination) → Panicle initiation (PI)	60 hari
Fasa pembiahan (Reproductive growth)	Permulaan pembentukan bulir (Panicle initiation, PI) → Terbit (heading)	30 hari
	Terbit (heading) → Matang (maturity) [pengisian (milky) – pengerasan / pembentukan doh (dough) – mula masak / padi kuning (yellow ripe) – padi matang / masak (maturity)]	30 hari

Pemilihan Biji Benih Padi

1. Gunakan benih padi sah yang telah diperakukan oleh Jabatan Pertanian.
2. Daya maju benih (seed viability) sukar untuk dipastikan dengan mata kasar. Jadi kaedah terbaik yang boleh digunakan untuk memastikan benih padi tersebut bernas ataupun tidak adalah dengan cara pengasingan benih daripada rendaman air.
3. Secara ringkasnya, benih yang kosong akan terapung di permukaan air, manakala benih yang berisi/ bernas akan tenggelam di dalam air. Jadi, asingkan kesemua benih yang terapung di permukaan air menggunakan alat penapis.
4. Hanya benih yang tenggelam di dalam air sahaja yang boleh digunakan untuk penanaman padi.



Pemandangan benih padi yang telah disemai selama 10 hari di Stesen Pemerhatian Padi, Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Sungai Burong, Selangor.



BAB 3 **RICE CHECK**

Petunjuk ke arah pengurusan sawah padi yang bermatlamatkan kepada peningkatan produktiviti dan kualiti

Jabatan Pertanian telah memperkenalkan *Rice Check* sejak tahun 2002. *Rice Check* adalah panduan untuk menguruskan tanaman padi mengikut sasaran yang ditetapkan. Setiap **Check Utama** mesti dipatuhi untuk pertumbuhan yang baik kearah peningkatan produktiviti dan kualiti.

Berdasarkan *Rice Check*, pesawah dapat mengesahkan berlakunya sesuatu masalah sekiranya sasaran check yang ditetapkan tidak dapat dipenuhi. Masalah-masalah ini perlu diatasi dengan segera bagi mendapatkan hasil potensi yang paling optimum berdasarkan kecekapan pesawah dalam menyelesaikan setiap masalah yang timbul disepanjang musim penanaman.

Sasaran utama produktiviti hasil bagi memenuhi permintaan padi di Malaysia adalah sebanyak 7.64 tan/ ha. Manakala sasaran utama produktiviti hasil bagi mendapatkan pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM5,000/ musim adalah 8.00 tan/ ha (tabur terus) dan 10.00 tan/ ha (transplanter).

Terdapat **10 senarai semak** dalam *Rice Check* iaitu:

1. *Rice Check 1* : Penentuan Kesesuaian Tanah
2. *Rice Check 2* : Keadaan Petak Sawah
3. *Rice Check 3* : Penyediaan Tanah
4. *Rice Check 4* : Penanaman
5. *Rice Check 5* : Pengurusan Pembajaan
6. *Rice Check 6* : Pengurusan Air
7. *Rice Check 7* : Pengurusan Perosak Bersepadu
8. *Rice Check 8* : Pengurusan Penuaian
9. *Rice Check 9* : Pengendalian Lepas Tuai
10. *Rice Check 10* : Pengurusan Alam Sekitar

Kunci kejayaan pengurusan tanaman padi berdasarkan *Rice Check*:

1. **URUS** tanaman mengikut sasaran yang ditetapkan.

2. **PANTAU TANAMAN – PERHATI, UKUR DAN SIMPAN DATA** pertumbuhan tanaman.
3. **BANDING DAN ANALISA** keputusan untuk mengenalpasti masalah.
4. **AMBIL TINDAKAN** untuk memperbaiki masalah pengurusan di musim akan datang.

CHECK UTAMA 1

PENENTUAN KESESUAIAN TANAH

Pastikan status pH Dan Keupayaan Pertukaran Kation (KPK) Tanah Sawah Sesuai Bagi Mendapatkan Pertumbuhan Pokok Padi yang Optimum

1. pH tanah sawah yang optimum untuk ketersediaan nutrien adalah **pH 5.5-6.5**. Pengapuran perlu dijalankan jika pH tanah kurang daripada pH 5.0. Dapatkan khidmat nasihat Pegawai Pengembangan untuk menentukan status keasidan tanah.
2. Pengapuran menggunakan *Ground Magnesium Limestone* (GML) untuk gred pertanian dijalankan semasa peringkat penyediaan tanah (pembajakan pertama). Batuan kapur yang digunakan perlu mematuhi spesifikasi Malaysia Standard (MS 48 : 1993)

Jadual 1: Keperluan kapur mengikut status pH tanah

Nilai pH	Pengelasan	Kapur GML (t /ha)
≥ 5.0	Mencukupi	Tiada Pengapuran
4.50 – 4.99	Sedikit berasid	1.0
3.51 – 4.49	Berasid	3.0
≤ 3.50	Sangat Berasid	5.0

3. Keupayaan Pertukaran Kation (KPK atau CEC) yang optimum adalah 20 cmol(+)/kg tanah.
4. Tanah yang mempunyai KPK kurang daripada 10 cmol(+)/kg, perlu dirawat menggunakan bahan organik (Contoh: kompos) dan bahan pemegang nutrien (Contoh : zeolite).

5. Aplikasi penggunaan bahan kompos/organik digalakkan semasa peringkat penyediaan tanah (pembajakan pertama). Kualiti bahan kompos/organik yang dibekalkan perlu mematuhi Spesifikasi Baja Organik (MS 1517:2012). Pengesyoran bahan kompos/organik mengikut pengelasan KPK tanah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Keperluan bahan kompos/organik mengikut Julat KPK tanah

Julat KPK Tanah (cmol (+)/kg tanah)	Pengelasan	Bahan Kompos/Organik (mt/ha)
>20	Tinggi	0
10 – 20	Sederhana	1-2
<10	Rendah	3-5



SENARAI SEMAK CHECK 1: PENENTUAN KESESUAIAN TANAH

Perkara ini perlu dibuat pada:

Varieti Padi Mengikut Tempoh Matang (HLT)	Kaedah Penanaman	Penentuan Check 1 (Hari Sebelum Tanam)
<95 – 105 HLT	Tabur Terus	60 hari sebelum tarikh menabur benih
	Transplanter	
106 – 115 HLT	Tabur Terus	60 hari sebelum tarikh menabur benih
	Transplanter	
>115 HLT	Tabur Terus	60 hari sebelum tarikh menabur benih
	Transplanter	

Bil	Perkara	Pematuhan	Rancangan Penambahbaikan						
1.	Nilai pH 5.5-6.5	<table border="1" style="width: 100px; margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">YA</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">TIDAK</td> </tr> </table>	YA	TIDAK	<p>Jika tidak, berapa nilai bacaan pH tanah?</p> <p>Pengapuran perlu dilaksanakan mengikut Jadual 1.</p>				
YA									
TIDAK									
2.	Nilai KPK Tanah (cmol (+)/kg tanah)	<table border="1" style="width: 100px; margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">>20</td> <td style="text-align: center;"></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">10 – 20</td> <td style="text-align: center;"></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><10</td> <td style="text-align: center;"></td> </tr> </table>	>20		10 – 20		<10		Sekiranya nilai KPK <20, tambahkan bahan kompos/organik mengikut jadual 2.
>20									
10 – 20									
<10									

CHECK UTAMA 2

KEADAAN PETAK SAWAH

Pastikan Infrastruktur Sawah Dalam Keadaan Baik dan Sempurna Bagi Memudahkan Pengurusan Sawah

SENARAI SEMAK CHECK 2: KEADAAN PETAK SAWAH

Bil.	Perkara	YA	TIDAK	Cadangan tambah baik sekiranya "TIDAK"
1.	Ketersediaan sumber air di lokasi penanaman. 1kg padi perlukan sekurang-kurangnya 5,000 liter air pada sepanjang tempoh penanamannya			Dicadangkan pesawah mempunyai pam air sebagai langkah alternatif
2.	Sistem pengairan dan saliran serta struktur kawalan air berfungsi dengan baik			
3.	Mempunyai saluran air masuk dan keluar bagi setiap petak sawah			Overflow diperlukan untuk mengeluarkan air pada peringkat awal penanaman bagi mengelakkan air menenggelami anak pokok padi
4.	Mempunyai struktur kawalan air dalam setiap petak sawah			
5.	Lebar batas sawah 30 – 45 cm dengan ketinggian 15 – 20 cm			
6.	Batas mestilah kukuh dan tidak bocor untuk mengawal air di dalam petak sawah			
7.	Batas mestilah bersih daripada rumput bagi menghalang menjadi perumah kepada perosak dan mengurangkan tempat pembiakan tikus			
8.	Jalan ladang mencukupi dengan lebar sekurang-kurangnya 4.5 m			

CHECK UTAMA 3

PENYEDIAAN TANAH

Pastikan Permukaan Sawah Rata untuk Mendapatkan Penapakan Anak Benih Maksimum dan Tumbesaran Pokok Yang Seragam

SENARAI SEMAK CHECK 3: PENYEDIAAN TANAH

Bil.	Perkara	YA	TIDAK	Cadangan tambah baik sekiranya "TIDAK"
1.	Rancang penyediaan tanah supaya benih dapat ditabur atau ditanam mengikut jadual. Pesawah digalakkan menggunakan <i>Rice Check Wheel</i> , Jabatan Pertanian bagi memudahkan perancangan penanaman			
2.	Selepas penuaian (musim sebelum) selesai, masukkan semula air ke dalam sawah. Kebanyakan serangga perosak yang ada dalam petak sawah pada ketika ini berada dalam fasa pupa (resting stage). Dengan cara membanjirkan semula sawah, pupa serangga akan lemas (kekurangan oksigen). Dalam kitaran hidup serangga perosak (terutamanya ulat pengorek batang), fasa pupa akan mengambil masa selama 6 – 11 hari			
3.	Selepas sekurang-kurangnya 7 hari, keringkan semula petak sawah untuk kawalan nematod (selama 7 – 10 hari)			

Bil.	Perkara	YA	TIDAK	Cadangan tambah baik sekiranya "TIDAK"
4.	Sebelum membajak tanah, pastikan petak sawah dibersihkan daripada jerami, tunggul, rumpai, padi batat dan padi angin			
5.	Amalkan pengurusan jerami secara 'zero burning' bagi memelihara alam sekitar. Pembakaran jerami secara terkawal hanya dilakukan sekiranya terdapat masalah penyakit dan infestasi padi angin yang serius pada musim sebelumnya			
6.	Bahan atau agen pereput jerami menggunakan mikrob digalakkan bagi membantu mempercepatkan pereputan jerami kepada bahan organik. Pereputan jerami dapat mengembalikan nutrien ke dalam tanah serta menyumbang kepada peningkatan kesuburan tanah			
7.	Awasi aktiviti penyediaan tanah agar dapat dijalankan dengan sempurna			
8.	Adalah digalakkan para pesawah mengenalpasti trend hujan dikawasan penanaman. Trend hujan ini boleh digunakan untuk langkah awal dalam menghadapi cuaca buruk seperti banjir, risiko serangan perosak dan juga penyakit tanaman			
9.	Pastikan tanaman yang bersifat <i>beneficial host plant</i> kepada serangga sahabat ladang ada ditanam disekitar petak penanaman			

Jadual 3: Aktiviti Penyediaan Tanah di Petak Sawa

Aktiviti Pembajakan	Keadaan Tanah	Keterangan
Bajak 1 (30 hari sebelum tanam)	Kering	<ul style="list-style-type: none"> Tunggul dan jerami padi bagi musim penanaman sebelum ini perlu dilupuskan. Sebaiknya pelupusan menggunakan agen pereput Buat semburan bahan pereput jerami, kemudian jalankan pembajakan 1 Tujuan bajak 1: memecah dan membalik-balikkan tanah untuk membasmi tunggul dan menggalakkan pereputan Kedalaman bajakan: 10-15 cm Saiz ketulan tanah yang dihasilkan ialah 20% kurang daripada 2.5 cm, 40% antara 2.5 – 5.0 cm dan 40% melebihi 5.0 cm. Gunakan traktor berkuasa kuda 60-70 untuk pembajakan tanah kering bagi memelihara lapisan padat tanah Pastikan alat bajak putar diangkat semasa membuat pusingan bagi menjaga lapisan padat tanah Kawasan tanah lembut perlu diatasi dengan cara memampatkan dengan tanah tambah
Bajak 2 (7-10 hari sebelum tanam)	Kering atau Basah	<ul style="list-style-type: none"> Sekali lagi lakukan semburan bahan pereput jerami kemudian jalankan pembajakan 2 Tujuan bajak 2: melumatkan tanah. Saiz ketulan tanah kurang daripada 2.5 cm (bajak kering) Kedalaman bajakan: 5 cm
Bajak 3 atau Badai (1-2 hari sebelum menanam)	Basah (paras air : 3-5 cm)	<ul style="list-style-type: none"> Tujuan: Meratakan permukaan tanah. Permukaan sawah mestilah rata pada tahap kerataan tanah ± 2.5 cm Anggarkan kerataan sawah dengan memerhatikan paras air. Paras air perlu sama pada setiap kawasan petak penanaman Dapatkan khidmat Jabatan Pertanian/ Service Provider untuk menjalankan kerja perataan tanah sawah dengan alat laser land leveller

CHECK UTAMA 4

PENANAMAN

Pastikan Penggunaan Benih Padi Sah Yang Berkualiti bagi Mendapatkan Pertumbuhan Pokok Padi Bebas Penyakit dan Padi Angin

SENARAI SEMAK CHECK 4: PENANAMAN

Bil.	Perkara	YA	TIDAK	Cadangan tambah baik sekiranya "TIDAK"
1.	Gunakan benih padi sah yang telah diperakurkan kualitinya oleh Jabatan Pertanian			
2.	Pemilihan varieti padi yang hendak ditanam perlu mengambil kira faktor kesesuaian sawah, air dan cuaca			Rujuk jadual Potensi Benih Padi Terpilih m/s. 11 – 13
3.	Pastikan sasaran komponen hasil dapat dicapai sebaiknya. Rujuk Jadual 5.			

Jadual 4: Kaedah Penanaman Padi Dan Kadar Benih (kg/ha)

Kaedah	Kadar Benih	Keterangan
Tabur terus (basah)	120 -140kg/ha	<ol style="list-style-type: none"> 1. Buka beg benih dan rendam benih padi dalam air bersih selama 24 jam. 2. Asingkan benih yang terapung dalam rendaman tersebut. Guna hanya benih yang tenggelam dalam air rendaman tersebut. 3. Laksanakan rawatan benih jika menggunakan varieti padi yang rentan penyakit. 4. Tos dan peram (selimutkan dengan guni) selama 24 – 48 jam di tempat berbunguran untuk percambahan optimum. 5. Pastikan keadaan tanah sawah telah diratakan dan tenu air sebelum menabur benih. 6. Tabur dengan mesin penyembur bagi memastikan taburan benih adalah sekata supaya mencapai sekurang-kurangnya 400 biji benih/m².

Kaedah	Kadar Benih	Keterangan
Tabur terus dalam air (untuk mengawal padi angin)	150-180 kg/ha	<ol style="list-style-type: none"> Pastikan tanah sawah rata, telah dibadai dengan baik dan rumput telah dihapuskan dengan sempurna. Taburan benih perlu dilakukan antara 2 – 5 hari selepas kerja membadi dilaksanakan. Gunakan benih pra-cambah (boleh dilihat dengan kehadiran akar 2 – 3 mm pada benih). Kaedah penyediaan benih adalah sama seperti tabur terus basah. Taburkan benih pra-cambah ke atas tanah sawah yang bertakung air pada kedalaman optimum 5 – 10 cm.
Mencedung (mekanikal) (untuk mengawal padi angin)	80 kg/ha	<ol style="list-style-type: none"> Gunakan anak semaihan berumur 15-18 hari. Jarak tanaman 18 cm x 30 cm. Bilangan anak semaihan 3-5 anak/ perdu.
Mencedung (manual)	40 kg/ha	<ol style="list-style-type: none"> Gunakan anak semaihan berumur 21-25 hari. Tanam anak semaihan pada jarak 25 cm x 25 cm. Bilangan anak semaihan 3-5 anak/ perdu.

Jadual 5: Sasaran Komponen Hasil Padi

Peringkat Pertumbuhan Hari Lepas Tabur (HLT)	Sasaran Komponen Hasil Bagi 10 t/ha	Catatan
15 HLT (3 helai daun)	260 anak benih/ m ²	Sekiranya kepadatan pokok kurang 200 pokok/m ² , kurangkan aras air sawah untuk menggalakkan pengeluaran anak padi.
35 HLT	500 pokok/ m ²	
100 HLT (masak)	460 tangkai/ m ² 100 biji/ tangkai 80 % bernas 27 gram berat 1,000 biji	

Catatan:

- Pastikan kepadatan pokok mengikut sasaran komponen hasil (Jadual 5).

2. Anak pokok padi yang terlalu padat akan menyebabkan persaingan pertumbuhan tanaman, persaingan mendapatkan nutrien serta persaingan mendapatkan cahaya matahari.
3. Anak pokok padi yang terlalu padat dan rapat (sehingga cahaya matahari serta aliran angin menjadi sangat terhalang) boleh menjadi tempat pertumbuhan populasi serangga perosak serta berpotensi menjadi ancaman kepada perosak dan penyakit tanaman.

CHECK UTAMA 5

PENGURUSAN PEMBAJAAN

Pastikan Pembajaan Dilakukan Dengan Kadar Tepat Pada Waktunya Bagi Menjamin Hasil Yang Tinggi

1. Pembajaan sangat penting untuk memastikan sasaran komponen hasil dapat dicapai.
2. Kadar baja dan waktu pembajaan disyorkan mengikut kaedah tanaman dan tempoh matang varieti padi adalah seperti Jadual 6 dan Jadual 7:

Jadual 6: Kadar dan Masa Pembajaan bagi Kaedah Tabur Terus (Kering):

Peringkat Pembajaan	Tempoh Matang			Peringkat Tumbesaran	Jenis Baja	Bantuan Pemberian Kerajaan (kg/ha)
	95 - 105	105 - 115	>155			
	Hari Lepas Tabur (HLT)					
Pembajaan Pertama	15 - 20	15 - 20	15 - 20	Vegetatif (3 helai daun)	Baja Sebatian (17.5:15.5:10 /17:20:10)	140
Pembajaan Kedua	25 - 30	30 - 35	35 - 40	Beranak aktif	Urea (46% N)	80

Peringkat Pembajaan	Tempoh Matang			Peringkat Tumbesaran	Jenis Baja	Bantuan Pemberian Kerajaan (kg/ ha)
	95 – 105	105 – 115	>155			
Hari Lepas Tabur (HLT)						
Pembajaan Ketiga	35 – 45	45 – 55	55 – 60	Pembentukan tangkai	Baja Sebatian (17.5:15.5:10 /17:20:10)	100
					Baja Sebatian Tambahan (17:3:25+2 MgO)	100
Pembajaan Keempat	70 – 80	75 – 85	85 – 90	Terbit dan berbunga	Baja Sebatian Tambahan (17:3:25+2 MgO)	50

Catatan:

1. Tambahan baja *Monoammonium Phosphate* (MAP-11%N;52% P_2O_5) pada kadar 55 kg/ha dan *Muriate of Potash* (MOP – 60% K2O) pada kadar 30 kg/ha pada peringkat pembajaan pertama adalah disyorkan bagi menampung keperluan unsur fosforus (P) dan kalium (K).
2. Penggunaan baja foliar sebagai baja tambahan sangat digalakkan pada peringkat 65HLT dan 85 HLT bagi meningkatkan pengisian biji padi.
3. Kerja pembajaan juga boleh dilaksanakan menggunakan drone. Sila rujuk penyedia perkhidmatan (service provider) bagi membandingkan harga.
4. Pastikan sawah dalam keadaan berair semasa proses pembajaan. Pembajaan yang dilakukan semasa keadaan petak sawah kering akan menyebabkan pengambilan nutrien oleh pokok padi tidak efisien.
5. Pantau warna daun pokok padi menggunakan alat *Leaf Colour Chart* (LCC) atau aplikasi LCC Padi yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian bagi menentukan kadar pembajaan unsur Nitrogen.

Jadual 7: Kadar dan Masa Pembajaan bagi Kaedah Mencedung/ Transplanter:

Peringkat Pembajaan	Tempoh Matang				Peringkat Tumbesaran	Jenis Baja	Bantuan Pemberian Kerajaan [kg/ha]
	95 - 105	105 - 115	>155	Hari Lepas Tanam (HLT)			
Pembajaan Pertama	5 - 7	5 - 7	5 - 7	Vegetatif (3 helai daun)	Baja Sebatian (17.5:15.5:10 /17:20:10)	140	
Pembajaan Kedua	15 - 20	20 - 25	25 - 30	Beranak aktif	Urea (46% N)	80	
Pembajaan Ketiga	20 - 30	30 - 40	40 - 50	Pembentukan tangkai	Baja Sebatian (17.5:15.5:10 /17:20:10)	100	
					Baja Sebatian Tambahan (17:3:25+2 MgO)	100	
Pembajaan Keempat	60 - 65	60 - 70	70 - 80	Terbit dan berbunga	Baja Sebatian Tambahan (17:3:25+2 MgO)	50	

Catatan:

1. Tambahan baja *Monoammonium Phosphate* (MAP-11%N;52% P_2O_5) pada kadar 55 kg/ha dan *Muriate of Potash* (MOP – 60% K2O) pada kadar 30 kg/ha pada peringkat pembajaan pertama adalah disyorkan bagi menampung keperluan unsur fosforus (P) dan kalium (K).
2. Penggunaan baja foliar sebagai baja tambahan sangat digalakkan pada peringkat 65HLT dan 85 HLT bagi meningkatkan pengisian biji padi.
3. Kerja pembajaan juga boleh dilaksanakan menggunakan drone. Sila rujuk penyedia perkhidmatan (service provider) bagi membandingkan harga.
4. Pastikan sawah dalam keadaan berair semasa proses pembajaan. Pembajaan yang dilakukan semasa keadaan petak sawah kering akan menyebabkan pengambilan nutrien oleh pokok padi tidak efisien.
5. Pantau warna daun pokok padi menggunakan alat *Leaf Colour Chart* (LCC) atau aplikasi LCC Padi yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian bagi menentukan kadar pembajaan unsur Nitrogen.

SENARAI SEMAK CHECK 5: PENGURUSAN PEMBAJAAN

Bil.	Perkara	YA	TIDAK	Cadangan tambah baik sekiranya "TIDAK"
1.	Pembajaan dilakukan pada kadar yang betul dan waktu yang tepat (Rujuk Jadual 6 dan 7)			
2.	Pastikan petak sawah dalam keadaan berair semasa pembajaan dilakukan			
3.	Buat pemantauan warna daun pokok padi menggunakan alat <i>Leaf Colour Chart</i> (LCC) atau aplikasi LCC Padi yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian bagi menentukan kadar pembajaan unsur Nitrogen			
4.	Penaburan baja perlu dilakukan dengan sekata			
5.	Simpan baja di tempat yang bertutup dan berlapik. Elakkan beg baja diletakkan terus di atas simen tanpa lapapik			

CHECK UTAMA 6 PENGURUSAN AIR

Pastikan Pengurusan Air Sawah Cekap Untuk Mengawal Rumpai dan Mendapatkan Kepadatan Pokok yang Optimum

1. Pesawah digalakkan membuat pengurusan pengairan sawah padi secara *Alternate Wetting and Drying* (AWD) berbanding *Continuously Flooded* (keadaan pengairan biasa dalam penanaman padi). Melalui kaedah AWD, penjimatan air dapat dilaksanakan tanpa mengurangkan hasil tuaian padi.
2. Air dimasukkan ke dalam sawah mengikut jadual pengairan yang dikeluarkan oleh agensi yang berkaitan. Agensi perlu menyediakan jadual bekalan air, menyelaras dan menyusun atur penggunaan air mengikut kawasan.

3. Keperluan air sebanyak 1 cusec bagi 30 hektar sawah untuk mencapai tahap tepu.
4. Bagi menghasilkan 1kg padi, keperluan airnya adalah sebanyak 5,000 liter hingga 6,000 liter air sahaja bagi tempoh semusim penanaman (pengairan secara AWD) berbanding 7,000 liter hingga 10,000 liter air bagi tempoh semusim penanaman (pengairan biasa).
5. Pastikan paras air lebih kurang 5cm (2inci) semasa pertumbuhan awal dan peringkat beranak.
6. Air perlu dikekalkan lebih kurang 10cm (4inci) sepanjang peringkat pertumbuhan terutamanya semasa peringkat pembentukan tangkai.
7. Gunakan tiub AWD atau kayu pengukur air bagi menentukan paras air dalam petak sawah.
8. Perlu adakan pintu kawalan air (PKA) untuk mengawal paras air dalam sawah.
9. Sekiranya perlu, lorong air dibuat untuk mempercepatkan pengairan dan saliran mengikut kesesuaian tempat .
10. Buang air pada masa yang sesuai iaitu selepas peringkat padi berisi penuh supaya padi dapat masak dengan sempurna.
11. Pastikan tanah sawah dikeringkan 2 minggu sebelum proses menuai.
12. Paras air mengikut peringkat pertumbuhan pokok padi bagi kaedah tabur terus dan mencedung adalah seperti dalam Jadual 8 (tabur terus) dan Jadual 9 (transplanter).

Jadual 8: Paras Air Dalam Sawah Bagi Kaedah Tabur Terus (pengair sawah padi biasa “Continuously Flooded”)

Hari Lepas Tabur (HLT)	Peringkat Tumbesaran Padi	Paras Air (cm)
0 – 7	Percambahan	0 (tepu)
7 – 10	Penapakan	3 – 5
15 – 40	Beranak	5
40 – 90	Pembentukan tangkai, bunting, terbit, bunga dan pengisian biji	5 – 10
90 – 100	Matang (<i>dough and ripening</i>)	0
110 – 120	Tuai (masak)	(air dikeluarkan 14 hari sebelum penuaian)

Jadual 9: Paras Air Dalam Sawah Bagi Kaedah Mencedung Menggunakan Jentera Menanam “Transplanter” (pengair sawah padi biasa “Continuously Flooded”)


Hari Lepas Tabur (HLT)	Peringkat Tumbesaran Padi	Paras Air (cm)
15 – 40	Beranak	5
40 – 90	Pembentukan tangkai, bunting, terbit, bunga dan pengisian biji	5 – 10
90 – 100	Matang (<i>dough and ripening</i>)	0
110 – 120	Tuai (masak)	0 (air dikeluarkan 14 hari sebelum penuaian)

PENGAIKAN SECARA *ALTERNATE WETTING AND DRYING*

Persaingan guna air dengan sektor lain seperti sektor industri dan juga kegunaan air secara domestik menjadi cabaran dalam aktiviti penanaman padi di Malaysia dan juga diperingkat global. Isu ini akan jadi lebih runcing apabila satu-satu kawasan tersebut mengalami masalah bekalan air yang kurang seperti musim kemarau. *Alternate Wetting And Drying* (AWD) merupakan satu kaedah pengairan sawah padi yang diperkenalkan oleh *International Rice Research Institute* (IRRI) bertujuan untuk [1] penjimatan air tanpa pengurangan hasil padi, dan [2] mengurangkan pelepasan gas metana ke udara dalam praktis biasa amalan penanaman padi sawah (anaerobik).


Kawalan pengairan secara AWD dilaksanakan dengan cara memantau aras air dalam sawah melalui Tiub AWD. Gambaran Tiub AWD dan juga rajah skematik pembinaan Tiub AWD adalah seperti berikut:

ALAT PENGUKUR PARAS AIR: TIUB AWD



Gambar 4: (a) Rajah skematik binaan tiub AWD. (b) Tiub AWD yang telah siap ditebus mulai 15 cm daripada bahagian pangkal atas tiub AWD. (c) Diameter tiub AWD adalah 16 cm. (d) Tiub AWD perlu ditebus/ dilubangkan menggunakan *driller* dengan ukuran 0.5 cm – 1.0 cm/ lubang

Tiub AWD perlu diletakkan di dalam sawah pada jarak 1 meter daripada batas seperti dalam rajah di bawah. Tiub AWD tersebut perlu diletakkan (ditanam) di dalam tanah sawah pada paras tebukan yang pertama. Kemudian tanah sawah yang berada dalam Tiub AWD tersebut perlu dikorek keluar bagi memastikan bacaan aras air di dalam Tiub AWD dapat dilaksanakan dengan baik.



Syori lokasi perletakan Tiub AWD di dalam sawah. Dicadangkan sebanyak 2 point perletakan Tiub AWD dibuat dalam satu petak sawah. Letakkan Tiub AWD 1 meter daripada batas supaya mudah untuk membuat bacaan aras air disepanjang musim penanaman. Tiub AWD ini boleh mula diletakkan selepas kerja menabur benih atau menanam anak pokok padi selesai dilaksanakan.




Gambaran Tiub AWD yang telah diletakkan di dalam petak sawah.

Standard Operating Prosedur (SOP) pengairan secara AWD dan pengurusan air

Pengairan secara AWD boleh dilaksanakan selepas kerja menanam menggunakan transplanter selesai dilaksanakan (atau selepas anak pokok padi berketinggian 10 cm – tabur terus). Namun begitu, sekiranya infestasi rumput berlaku pada kadar yang tinggi (*severe*), pengairan secara AWD boleh ditangguhkan selama 7 hari hingga 14 hari selepas tanam (sehingga rumput mengalami *suppressed* oleh air dalam sawah).

Rajah simulasi pengairan AWD:



Berikut merupakan langkah-langkah dalam aktiviti pengairan secara AWD:

1. Selepas anak padi ditanam menggunakan transplanter, mencedung, 10 cm anak padi tumbuh (tabur terus), masukkan air ke paras 5.0 cm – 6.0 cm atas tanah (air cap-cap/ saturated/ pra-tepu) – lihat melalui Tiub AWD.
2. Biarkan sawah mengering (*drying*) dengan sendirinya. Tempoh masa yang diambil untuk air dalam sawah padi mengering bergantung kepada pelbagai faktor iaitu, iklim (hujan), kapasiti tanah memegang air dan kadar evapotranspirasi.
3. Apabila paras air sampai 15 cm bawah paras tanah – lihat melalui Tiub AWD (lubang ke-4), masukkan semula air ke paras 5.0 cm – 6.0 cm atas tanah.

4. Ulangi langkah 1 hingga 3 sehingga sampai tempoh pokok padi berbunga.
5. Tetapi, pastikan sawah berair semasa kerja pembajaan dilakukan. Selesai kerja pembajaan, amalan pengairan secara AWD kembali dipraktikkan.
6. Apabila pokok padi memasuki fasa berbunga, air di dalam sawah perlu dikekalkan pada aras 5.0 cm – 6.0 cm atas tanah untuk mengelakkan pokok padi mengalami *water stress* – *water stress* yang teruk (*severe*) akan menyebabkan kehilangan hasil padi.
7. Selepas tamat fasa berbunga dan mulai fasa pengisian, ulang semula aktiviti pengairan secara AWD (langkah 1 hingga 3).

Berikut merupakan ringkasan jadual pengairan (AWD):

Hari Lepas Tanam (HLT)	Fasa Utama Pertumbuhan Pokok Padi	Pengairan AWD
0 – tanam		Aras air 5.0 cm atas tanah
1 – 4	Percambahan	Safe AWD
5 – 7	Vegetatif (3 helai daun)	Safe AWD
8 – 24	Vegetatif	Safe AWD
25 – 30	Beranak Aktif	Safe AWD
31 – 44	Beranak Aktif	Safe AWD
45 – 50	Pembentukan Tangkai (<i>Panicle Initiation</i> – PI)	Safe AWD
51 – 64	Pembentukan Tangkai	Safe AWD
65 – 70	Terbit & Berbunga	Kekalkan air pada aras 5.0 cm atas tanah
71 – 100	Pengisian	Safe AWD
101 – 109	Masak	Biarkan air mengering
110	Penuaian	Sawah kering

Jadual 10: pengairan AWD berdasarkan HLT dan tarikh pelaksanaan projek. Safe AWD bermaksud pengairan sawah yang dijalankan secara AWD. Namun begitu, pastikan sawah dalam keadaan berair semasa kerja pembajaan dilakukan. Selesai kerja pembajaan, amalan pengairan secara AWD kembali dipraktikkan.

SENARAI SEMAK CHECK 6: PENGURUSAN AIR

Bil.	Perkara	YA	TIDAK	Cadangan tambah baik sekiranya "TIDAK"
1.	Pastikan ketersediaan sumber air			
2.	Pilih untuk pengiran sawah secara CF atau AWD			
3.	Pastikan ketersediaan dan fungsi pintu kawalan air berfungsi dengan baik (inlet dan outflow)			
4.	Sekiranya memilih pengairan secara CF, letakkan kayu sukatian air di dalam sawah			
5.	Pengairan secara CF, kawal pengairan seperti dalam Jadual 8 dan Jadual 9			
6.	Sekiranya memilih pengairan secara AWD, bina alat Tiub AWD			
7.	Letakkan Tiub AWD di dalam sawah. 1 petak sawah, disyorkan diletakkan 2 Tiub AWD			
8.	Pengairan secara AWD, kawal pengairan seperti dalam Jadual 10			
9.	Pastikan sawah dalam keadaan berair semasa kerja pembajakan dilakukan			

CHECK UTAMA 7 PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU

Pastikan Rumpai, Perosak dan Penyakit Dikawal Kerana Akan Mengurangkan Hasil Padi

A) PENGAWASAN PEROSAK DAN PENYAKIT

- Paras populasi perosak dan penyakit di kawasan sawah boleh dipengaruhi oleh amalan pertanian, varieti tanaman dan cuaca.

2. Pengawasan perosak dan penyakit tanaman padi perlu dilakukan dengan kerap untuk:
 - i. Meninjau populasi perosak
 - ii. Menilai tahap serangan
 - iii. Melaksanakan aktiviti pengurusan perosak yang bersesuaian
3. Tinjauan (*scouting*) serangan perosak di sawah perlu dilaksanakan dengan kerap, sekurang-kurangnya setiap 7 atau 14 hari sepanjang musim penanaman. Kekerapan ini adalah berdasarkan kitar hidup kebanyakan serangga/ penyakit tanaman padi dan bagi menilai keberkesanan kaedah kawalan yang dijalankan.
4. Pengawasan boleh dilakukan dengan pemeriksaan kehadiran perosak di sawah atau menggunakan perangkap seperti papan pelekat, jaring penyauk, perangkap lampu dan perangkap feromon. Pemeriksaan indisen penyakit dilaksanakan secara visual.

B) **PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU (IPM)**

1. Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management*, IPM) adalah pendekatan yang menggabungkan beberapa kaedah kawalan dengan mengambil kira faktor ekologi dan biologi perosak serta penyakit tanaman.
2. Objektif utama IPM adalah untuk memaksimumkan pengeluaran hasil dengan penggunaan input dan kos yang minimum bagi kawalan yang dilaksanakan; serta mengelakkan atau mengurangkan risiko pencemaran kepada alam sekitar dan kepada kesihatan manusia akibat penggunaan racun perosak yang berlebihan.
3. Amalan IPM yang disyorkan di kawasan tanaman padi adalah seperti berikut :
 - i. Pengurusan di peringkat penyediaan tanah iaitu melibatkan aktiviti pemotongan dan pembakaran tungkul jerami, pembajakan, dan perataan tanah yang rapi. Ini dapat mengurangkan risiko kejadian serangan perosak dan penyakit.
 - ii. Pemantauan paras air ladang iaitu dipastikan pada aras kedalaman ±5 cm sepanjang penanaman untuk mengurangkan pertumbuhan rumput.

- iii. Penggunaan baja yang mencukupi dan tidak berlebihan terutamanya baja N untuk mengurangkan risiko peningkatan populasi perosak dan penyakit.
- iv. Penggunaan varieti yang diisyiharkan dan penggunaan kadar benih padi sah pada kadar yang disyorkan.
- v. Sistem penanaman mencedung (transplant) dan tabur terus dalam air dapat membantu mengawal padi angin dan rumpai.
- vi. Penggunaan burung pungguk jelapang (BPJ) dan pemasangan kayu T untuk kawalan tikus. Syor pemasangan rumah BPJ adalah 1 unit per 40 ha dan kayu -T berketinggian 2.4 m dan diletakkan pada jarak setiap 100 m untuk BPJ hinggap.
- vii. Pengawalan siput gondang *Pomacea* spp. secara kutipan manual melalui pengumpanan (seperti menggunakan umpan kulit nangka, daun ubi kayu, kulit cempedak, kangkung), penggunaan pemangsa seperti itik, penggunaan racun botani seperti daun *Furcraea*, dan pemasangan perangkap (seperti jaring) pada pintu air masuk.
- viii. Pelaksanaan pengawalan perosak secara serentak dalam satu kawasan penanaman menerusi aktiviti gotong royong atau penubuhan briged kerja untuk kawalan perosak yang lebih berkesan.
- ix. Penanaman pokok bermanfaat seperti *Turnera, rose* Jepun, bunga tahi ayam, bunga matahari untuk menarik musuh semulajadi dan menghalau serangga perosak (*repellent*).
- x. Pengawalan secara kimia hanya dilakukan apabila terdapat serangan perosak dan penyakit dan tiada kaedah kawalan lain boleh digunakan. Gunakan racun berdaftar dengan mengutamakan racun kimia yang bersifat memilih (selective pesticide); bukan racun am (broad spectrum); dan racun sistemik (curative) diselangseli dengan racun sentuh (preventative) sebagai kawalan penyakit oleh patogen kulat untuk mengelakkan berlaku kerintangan perosak terhadap racun. Kawalan kimia dijalankan dengan kaedah dan masa yang bersesuaian serta

perawis aktif racun perlu digilirkan daripada kumpulan berlainan mengikut kadar yang disyorkan pada label.

- xii. Sentiasa mengamalkan amalan pertanian baik (APB) termasuk pengurusan sisa ladang dan kebersihan batas serta petak sawah.

C) KAWALAN RUMPAI

- 1. Kehadiran rumpai memberikan persaingan kepada tanaman padi untuk mendapatkan sumber cahaya, ruang, nutrien, air dan rumpai boleh menjadi perumah sekunder / perumah sementara kepada perosak.
- 2. Pengawalan rumpai pada peringkat sebelum penanaman dan awal penanaman amat penting untuk mengurangkan kos pengeluaran, meminimumkan kehilangan hasil dan menjaga kualiti biji padi.
- 3. Pemantauan rumpai perlu dijalankan setiap minggu dan tindakan kawalan diambil jika perlu. Kawalan rumpai boleh dilakukan secara:
 - i. Kawalan rumpai menggunakan **racun kimia** untuk peringkat umur padi kurang daripada 30 hari lepas tabor (HLT). Pemilihan racun bergantung kepada peringkat umur tanaman, kedalaman air dan spesies rumpai yang perlu dikawal. Penggunaan racun yang sama dihadkan kepada dua atau tiga musim sahaja untuk mengelakkan berlaku kerintangan rumpai terhadap racun.
 - ii. Kawalan rumpai secara **manual** ataupun kaedah **penakaian** iaitu rumpai dicabut/ dipotong. Sekiranya pokok rumpai telah berbunga/ berbuah; potong dan kutip bunga/ buah rumpai untuk dilupuskan di luar kawasan penanaman. Contoh: rumpai yang tiada syor racun /senarai rumpai yang tiada kawalan kimia – Rumput Jejarongan (*Chloris barbata*), Rumput Minyak (*Cynodon dactylon*), Bayam Duri (*Amaranthus spinosus*), Kangkung (*Ipomoea aquatica*).
 - iii. Bagi kawalan padi angin, sentiasa pantau infestasi padi angin dan lakukan penakaian setelah padi angin dapat dikenalpasti. Gunakan benih padi sah yang bebas daripada padi angin.

Jadual 11: Syor Kawalan Kimia Mengikut Jenis Rumpai

Peringkat Penanaman	Jenis Rumpai	Syor Kawalan (Perawis Aktif)	
Peringkat penyediaan tanah (sebelum pembajakan pertama)	Rumpai Padi angin Padi batat	Sembur racun Glufosinate-ammonium/ Glyphosate	
Selepas tabur benih dan sebelum masuk air (0 – 7 HLT)			
a. Penanaman padi selain Clearfield	Rumpai dan padi angin	Semburran racun pra-cambah Pretilachlor	
b. Penanaman padi Clearfield	Padi angin	Semburracun On Duty (imazapic + imazapyr) (imidazolinone) mengikut panduan sistem pengeluaran Clearfield	
	Jenis Rumpai	Habitat/ tempat	Syor Kawalan
Peringkat vegetatif (sebelum bunting)	Rumpai Daun Tirus		
• Sebelum 40 HLT untuk varieti matang awal (100 hari)	Jelamparan (<i>Digitaria ascendens</i>)	Tanah terbiar, lembap atau kering	Kawasan batas: glufosinate-ammonium, sulfentrazone Dalam sawah: Tiada syor dalam sawah
• Sebelum 60 HLT untuk varieti matang lewat (125 hari)	Jelamparan (<i>Digitaria ciliaris</i>)	Tanah terbiar, lembap atau kering	Kawasan batas: Tiada syor kawasan batas Dalam sawah: quinclorac, glyphosate-pottassium
	Jelamparan (<i>Digitaria setigera</i>)		Dalam sawah: flucetosulfuron

Peringkat Penanaman	Jenis Rumpai		Syor Kawalan (Perawis Aktif)
	Rumput Sambau (<i>Eleusine indica</i>)	Atas batas	Kawasan batas: Glufosinate-ammonium
	Rumput Padi Burung (<i>Echinochloa colona</i> , <i>Echinochloa crus-galli</i>)	Tanah lembap atau kering	Kawasan batas: Glufosinate-ammonium Dalam sawah: Pretilachlor, Propanil, Quinclorac, bispyribac-sodium
	Rumput Colok Cina (<i>Ischaemum rugosum</i>)	Tanah lembap atau berair	Kawasan batas: Tiada syor kawasan batas Dalam sawah: Propanil, Pyrazosulfuron-ethyl, Bispyribac-sodium
	Rumput Miang / Rumput Ekor Tebu (<i>Leptochloa chinensis</i>)	Atas batas tanah lembap atau berair	Kawasan batas: glufosinate-ammonium, sulfentrazone Dalam sawah: Propanil, Quinclorac
	Rumput Kerbau (<i>Paspalum conjugatum</i>)	Tanah lembap atau berair	Kawasan batas: Glyphosate-ammonium + Metsulfuron-methyl, glyphosate-isopropylammonium + 2,4-D-isopropylammonium, glyphosate-isopropylammonium Dalam sawah: Propanil, Glufosinate-ammonium, glyphosate-potassium
	Rumput Parit (<i>Axonopus compressus</i>)	Tanah kering	Glyphosate-ammonium + Metsulfuron-methyl, glyphosate-isopropylammonium + 2,4-D-isopropylammonium

	Jenis Rumpai	Habitat/ tempat	Syor Kawalan
	Jenis Rumpai		
Peringkat vegetatif (sebelum bunting)	Akar Ruas- Ruas / <i>Rumput Israel</i> (<i>Asystasia gangetica</i>)	Tanah kering	Glyphosate-ammonium + Metsulfuron- methyl, glyphosate- isopropylammonium + 2,4-D-isopropylammonium
• Sebelum 40 HLT untuk varieti matang awal (100 hari)	Setawar (<i>Borreria latifolia</i>)	Tanah kering	2,4-D-dimethylammonium, glyphosate-ammonium + Metsulfuron- methyl, glyphosate- isopropylammonium + 2,4-D-isopropylammonium, glyphosate-potassium, glufosinate-ammonium
• Sebelum 60 HLT untuk varieti matang lewat (125 hari)	Keladi Bunting (<i>Eichhornia crassipes</i>)	Kawasan berair, parit atau tali air	2,4-D-dimethylammonium, Metsulfuron-methyl
	Keladi Agas (<i>Monochoria vaginalis</i>)	Kawasan berair	2,4-D-dimethylammonium, metsulfuron- methyl, Pretilachlor, bispyribac-sodium, 2,4-D-isopropylammonium, pyrazosulfuron-ethyl
	Paku Rawan (<i>Limnocharis flava</i>)	Tanah lembap atau berair	2,4-D-dimethylammonium, Pyrazosulfuron-ethyl, Pretilachlor
	Maman Pasir (<i>Ludwigia hyssopifolia</i>)	Tanah lembap atau berair	Metsulfuron-methyl, 2,4-D-dimethylammonium, MCPA-potassium, pyrazosulfuron-ethyl
	Keladi Air (<i>Sagittaria guyanensis</i>)	Kawasan berair	Bensulfuron-methyl, Pyrazosulfuron-ethyl, Bispyribac-sodium, 2,4-D-isopropylammonium
	Cabai Kera (<i>Sphenoclea zeylanica</i>)	Kawasan lembap	Pyrazosulfuron-ethyl, Pretilachlor, Bensulfuron- methyl + Quinclorac

	Jenis Rumpai	Habitat/ tempat	Syor Kawalan
	Rusiga		
Peringkat vegetatif (sebelum bunting)	Rumput Ganda (<i>Cyperus aromaticus</i>)	Kawasan lembap	Bentazone-sodium
	Rumput Air (<i>Cyperus difformis</i>)	Kawasan berair	Quinclorac, Metsulfuron-methyl, Pretilachlor, Propanil, MCPA-potassium
	Rusiga Anak Emas / Menderong (<i>Cyperus iria</i>)	Kawasan lembap dan berair	2,4-D-dimethylammonium, Bispyribac-sodium, Pretilachlor, pyrazosulfuron-ethyl
	Rumput Para-Para (<i>Cyperus pilosus</i>)	Atas batas atau kawasan berair	Propanil, pyrazosulfuron-ethyl
	Rumput Halia Hitam (<i>Cyperus rotundus</i>)	Kawasan lembap dan berair	MCPA-isoctyl, Bispyribac-sodium
	Rusiga Kurau- (<i>Fimbristylis littoralis</i>)	Kawasan lembap dan berair	molinate + 2,4-D-butyl , Pretilachlor
	Rumput Tahi Kerbau (<i>Fimbristylis miliacea</i>)	Kawasan lembap dan berair	Glufosinate-ammonium, Pretilachlor, propanil, quinclorac, bispyribac-sodium, pyrazosulfuron-ethyl
	Rumput Menderong (<i>Scirpus juncoides</i>)-gabung	Kawasan lembap dan berair	Pyrazosulfuron-ethyl, 2,4-D-sodium monohydrate, metsulfuron-methyl
	(<i>Scirpus grossus</i>)-gabung		Propanil, pyrazosulfuron-ethyl, quinclorac, 2,4-D-isopropylammonium

Catatan: Penggunaan racun perlulah mengikut kadar yang disyorkan pada label racun.

4. Langkah-langkah bagi mengawal Padi Angin adalah seperti berikut:
 - i. Gunakan biji benih padi sah yang diperakukan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.
 - ii. Penyediaan tanah perlu dilakukan dengan sempurna supaya bank biji benih Padi Angin di dalam tanah dapat dikurangkan.
 - iii. Pastikan kedalaman air pada aras 5 –10 cm sepanjang pertumbuhan pokok untuk mengelakkan pertumbuhan Padi Angin.
 - iv. Pantau infestasi Padi Angin dan jalankan penakaian selepas umur padi 40 HLT hingga matang (Padi Angin sukar dibezakan dengan padi varieti ditanam sebelum padi berumur 40 HLT).
 - v. Penggunaan Sistem Pengeluaran Padi *Clearfield* (MR220 CL1/ CL2) disyorkan selama 2 musim penanaman sahaja.

D) KAWALAN PEROSAK

Serangan serangga perosak boleh diminimakan dengan amalan berikut:

1. Serangga perosak sering bersembunyi dikawasan redup bahagian bawah daun pokok padi.
2. Penanaman padi secara tabur terus, lazimnya mempunyai jarak tanaman yang tidak sekata dan kadang-kala berlaku jarak tanaman yang sangat rapat. Situasi ini menyebabkan aeration antara pokok padi terhalang. Kawasan ini yang kebiasaannya terlindung daripada cahaya matahari dengan aliran angin yang kurang lancar, boleh menjadi perumah/ tempat menyorok serangga perosak.
3. Adalah disyorkan penanaman padi menggunakan transplanter bagi memastikan jarak tanaman sekata, aeration antara pokok padi dalam keadaan baik dan kesan panas pantulan cahaya matahari boleh sampai ke bahagian bawah daun padi.
4. Hapuskan perumah sekunder/ sementara bagi serangga perosak seperti rumput dan padi batat.
5. Elakkan daripada penggunaan baja berunsur nitrogen secara berlebihan.
6. Penggunaan racun secara berhemah dan guna hanya apabila perlu. Ini penting untuk memelihara sahabat ladang atau musuh semulajadi (MSJ).
7. Elakkan menyembur racun serangga sebelum 40 HLT kecuali serangan telah mencapai Tahap Ambang Ekonomi (ETL).
8. Lakukan pemantauan berkala di lapangan untuk perosak yang berkaitan.

Jadual 12: Tahap Ambang Ekonomi (ETL) Beberapa Perosak Utama Tanaman Padi

Peringkat Padi	Perosak	Tahap Ambang Ekonomi (ETL)	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
Semua peringkat tanaman	Tikus sawah (<i>Rattus argentiventer</i>) Spesis tikus lain (<i>R.tiomanicus</i> , <i>R. rattus diardii</i> dan <i>R. norvegicus</i>)	5% serangan	Pengumpunan awal jika ada sejarah serangan dan lubang tikus pada batas. Chlorophacinone, Brodifacoum, Warfarin, Coumatetralyl, Zinc phosphide, Bromadiolone, Flocoumafen, Diphacinone
	Ulat ratus (<i>Mythimna separata</i>) Ulat ratus (<i>Spodoptera</i> sp.)	1 ekor/ kuadrat*	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk perosak ini bagi tanaman padi Carbaryl, Cartap hydrochloride, Diazinon, Fenitrothion+fenobucarb
Semaian (0-14 hari lepas tabur)	Siput gondang (<i>Pomacea</i> spp.)	1 ekor/ m ²	Niclosamide, Niclosamide-olamine, Metaldehyde
Beranak aktif – Bunting (14-60 hari lepas tabur)	Ulat layar (<i>Parapolyx stagnalis</i>)	30% serangan	Malathion
	Ulat gulung daun (<i>Cnaphalocrocis medinalis</i>)	30% serangan	Cartap hydrochloride, Carbaryl, Chlorantraniliprole, Etofenprox, Fipronil, Flubendiamide, Malathion, Indoxacarb, Spinetoram, Cyantraniliprole + Lufenuron, Buprofezin + Esfenvalerate, Spinetoram + Methoxyfenozide
	Ulat gulung daun (<i>Morasmia patnalis</i>)	30% serangan	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk perosak ini bagi tanaman padi
	Sera tombak padi (<i>Orseolia oryzae</i>)	5% serangan	Cartap hydrochloride

Peringkat Padi	Perosak	Tahap Ambang Ekonomi (ETL)	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
Beranak aktif – matang	Ulat pengorek batang (<i>Scirpophaga incertulas</i>)	1 kelompok telur/m ² atau 1 ekor kupukupu dewasa/m ²	Fipronil Chlorantraniliprole Flubendiamide Indoxacarb Cartap hydrochloride Alpha cypermethrin Diazinon Diflubenzuron+alpha-cypermethrin Thiamethoxam+chlorantraniliprole Spinetoram+methoxyfenoxide
	Ulat pengorek batang (<i>Sesamia inferens</i> dan <i>Chilo sp.</i>)	10% serangan atau 1 kelompok telur/m ² atau 1 ekor kupukupu dewasa/m ²	Fipronil Diazinon Cartap hydrochloride Alpha cypermethrin
Beranak maksimum – Terbit (40-70 hari lepas tabur)	Bena perang (<i>Nilaparvata lugens</i>)	5 dewasa atau 10 nimfa/kuadrat*	Buprofezin, Imidacloprid, Thiamethoxam, Pymetrozine, Fenobucarb, Malathion Cartap hydrochloride, Triflumezopyrim
	Bena belakang putih (<i>Sogatella furcifera</i>)	5 dewasa atau 10 nimfa/kuadrat*	Malathion, Cartap hydrochloride, Buprofezin, Etofenprox, Fenobucarb, Pymetrozine, Dimethoate, Imidacloprid
	Bena hijau (<i>Nephrotettix sp.</i>)	5 dewasa/ 25 sauk (kawasan–ve PMV) 1 dewasa/ 25 sauk (kawasan+ve PMV)	Dimethoate, Buprofezin, Cartap Hydrochloride, Malathion, Isoprocarb, Alpha-cypermethrin, Fenobucarb, Imidacloprid, , Carbaryl, Etofenprox, Lambda-cyhalothrin

Peringkat Padi	Perosak	Tahap Ambang Ekonomi (ETL)	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
Peringkat pengisian	Kutu Beruang (<i>Scotinophora coarctata</i>)	2 dewasa/ kuadrat*	Fenthion, Malathion, Fenobucarb Alpha-cypermethrin, Diazinon
	Kesing atau Pianggang (<i>Leptocoris sp.</i>)	2 dewasa/ kuadrat*	Fenthion, Carbaryl, Fipronil, Imidacloprid, Fenobucarb, Dimethoate, Alpha-cypermethrin, Diazinon, etofenprox, Thiamethoxam+lambda-cyhalothrin
	Kepinding (<i>Nezara viridula</i>)	2 dewasa/ kuadrat*	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk perosak ini bagi tanaman padi

PERHATIAN:

- a) *10 kuadrat diperiksa bagi setiap lot sawah (saiz kuadrat 15cm x 15cm).
- b) ETL perosak adalah purata bilangan perosak bagi 10 kuadrat tersebut.
- c) Diameter jaring penyauk serangga 35 cm.

E) KAWALAN PENYAKIT

Risiko kejadian serangan penyakit dapat dikurangkan dengan mengamalkan amalan pertanian baik dan pengurusan perosak bersepadu (IPM) seperti berikut:

1. Menggunakan biji benih bebas penyakit pada kadar yang disyorkan.
2. Menjalankan rawatan biji benih menggunakan racun kulat (contoh Benomyl, Captan, atau Thiram) bagi mencegah penyakit yang disebabkan oleh kulat terutamanya penyakit bawaan biji benih (seed borne).
3. Mengurus sisa tanaman dengan memotong tungkul padi dan membakar jerami bagi memusnahkan sumber patogen.
4. Menjaga kebersihan kawasan sawah daripada rumput yang boleh menjadi perumah sekunder/ sementara kepada perosak.
5. Menjalankan pembajaan berperingkat mengikut umur tanaman dan elakkan menggunakan baja Nitrogen berlebihan.

6. Penggunaan baja berunsurkan silika dapat mengurangkan kejadian penyakit terutamanya jangkitan penyakit oleh bakteria.
7. Sentiasa menjalankan pengawasan serangan penyakit.
8. Kawalan secara kimia bagi penyakit yang disebabkan oleh patogen kulat boleh dilakukan apabila terdapat simptom dan tanda serangan. Adalah disyorkan semburan racun kulat sistemik diselang-seli dengan racun kulat sentuh dalam jangkamasa 7 – 10 hari mengikut kadar yang disyorkan pada label supaya patogen tidak rintang kepada racun tersebut.
9. Sekiranya menanam varieti padi rentan, lakukan semburan racun kulat sebagai kawalan pencegahan bagi penyakit Karah Daun/ Tangkai.

Jadual 13: Syor Kawalan Penyakit Mengikut Pertumbuhan Pokok Padi

Peringkat Pertumbuhan Padi	Penyakit	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
Rawatan biji benih	Penyakit kulat	*Rawatan benih: Benomyl, carbendazim, thiram, captan, mancozeb.
	Penyakit Bakteria	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi. *Rawatan benih: Copper sulphate pentahydrate.
Semaian Beranak aktif	Karah daun Patogen: Kulat <i>Magnaporthe oryzae</i> (syn: <i>Pyricularia oryzae</i>)	Tricyclazole, Isoprothiolane, Ferimzone, Kasugamycin, Thiophanate-methyl, Mancozeb+Carbendazim, Carbendazim, Azoxystrobin, Azoxystrobin + Definoconazole, Cymoxanil+Zineb+ Copper oxychloride, Pyraclostrobin, Picoxystrobin+Cyproconazole, Trifloxystrobin + tebuconazole.

Peringkat Pertumbuhan Padi	Penyakit	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
	Hawar daun bakteria Patogen: Bakteria <i>Xanthomonas oryzae</i> pv. <i>oryzae</i>	Tribasic copper sulphate, copper sulphate pentahydrate
	Bakanae Patogen: Kulat <i>Gibberella fujikuroi</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi. *Kajian MARDI : Rawatan biji benih menggunakan Thiram atau Benomyl, Propiconazole, Carbendazim, Tricyclazole, Pyraclostrobin.
	Penyakit merah virus (PMV/Tungro) Patogen: Rice tungro bacilliform virus (RTBV) Rice tungro spherical virus (RTSV)	Tiada racun untuk mengawal patogen virus. Kemerebakkan penyakit boleh dikurangkan dengan mengawal vektor benah hijau (<i>Nephrotettix spp.</i>) dengan semburan racun serangga seperti Malathion, Dimethoate, Cartap hydrochloride, Imidacloprid, Carbaryl, Buprofezin dan Fenobucarb.
Beranak maksimum Pembentukan tangkai Bunting	Jalur daun bakteria Patogen: Bakteria <i>Xanthomonas campestris</i> pv. <i>oryzicola</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi *Kajian MARDI : Berasaskan kuprum - Copper sulphate, Copper hydroxide
	Hawar daun bakteria Patogen: Bakteria <i>Xanthomonas oryzae</i> pv. <i>oryzae</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi

Peringkat Pertumbuhan Padi	Penyakit	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
Terbit Masuk susu Membeku Matang	Hawar seludang Patogen: Kulat <i>Thanathephorus cucumeris</i> (syn. <i>Rhizoctonia solani</i>)	Difeniconazole, Propineb, Tebuconazole, Pencycuron, Propiconazole, Carbendazim, Picoxystrobin+Cyroconazole Iprodione, Epoxiconazole, Flutolanil dan Hexaconazole
	Reput seludang Patogen: Kulat <i>Sarocladium oryzae</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi.
	Hawar bulir bakteria Patogen: Bakteria <i>Burkholderia glumae</i> , bakteria <i>Burkholderia gladioli</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi *Kajian MARDI: Berasaskan kuprum - Copper hydroxide
	Karah tangkai Patogen: Kulat <i>Magnaporthe oryzae</i> (syn. <i>Pyricularia oryzae</i>)	Tricyclazole, Isoprothiolane, Ferimzone, Kasugamycin, Thiophanate-methyl, Mancozeb+Carbendazim, Carbendazim Azoxystrobin, Azoxystrobin + Defenoconazole, Cymoxanil+Zineb+ Copper oxychloride, Pyraclostrobin, Picoxystrobin+Cyroconazole, Trifloxystrobin + tebuconazole
	Hawar bulir bakteria Patogen: Bakteria <i>Burkholderia glumae</i> , bakteria <i>Burkholderia gladioli</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi *Kajian MARDI: Berasaskan kuprum: Copper hydroxide
	Bintik Perang Tirus Patogen: Kulat <i>Cercospora oryzae</i>	Propiconazole, Carbendazim, Benomyl, Picoxystrobin + Cyroconazole

Peringkat Pertumbuhan Padi	Penyakit	Syor Kawalan (Perawis Aktif)
	Bintik Perang Patogen: Kulat <i>Cochliobolus miyabeanus</i> (syn. <i>Helminthosporium oryzae</i> , <i>Bipolaris oryzae</i>)	Propiconazole, Difenoconazole, Mancozeb+Carbendazim, Copper sulphate pentahydrate, Azoxystrobin+Difenoconazole, Tebuconazole, Iprodione, Picoxystrobin+Cyproconazole Isotianil + trifloxystrobin
	Reput Batang Patogen: Kulat <i>Sclerotium oryzae</i>	Benomyl
	False Smut (Bertih) Patogen: Kulat <i>Ustilaginoidea virens</i>	Tiada pengesyoran racun berdaftar untuk penyakit ini bagi tanaman padi

PERHATIAN:

- a) Carbofuran akan ditamatkan pendaftaran di Malaysia berkuatkuasa pada 1 Mei 2023.
- b) Chlorpyrifos tidak lagi dibenarkan untuk kegunaan pertanian di Malaysia dan hanya dibenarkan untuk kegunaan kesihatan awam dan 'urban pest' sahaja berkuatkuasa pada 1 Mei 2023.

SEMBURAN UDARA RACUN MAKHLUK PEROSAK MENGGUNAKAN SISTEM PESAWAT TANPA PEMANDU (UAS) - DRONE

Selaras dengan revolusi industri pertanian 4.0, penggunaan sistem pesawat tanpa pemandu (UAS) bagi aktiviti semburan racun makhluk perosak menjadi pilihan petani.

Penggunaan UAS juga mampu mengurangkan pendedahan dan sentuhan racun makhluk perosak terhadap pengendali.

Namun, penggunaan UAS bagi aktiviti semburan racun makhluk perosak boleh digunakan setelah pengendali memenuhi peraturan-peraturan dan

akta berkaitan yang berkuatkuasa. Ini bertujuan bagi melindungi keselamatan pengendali, petani, orang awam, harta benda, dan persekitaran.

Bagi tujuan ini, para pesawah/ syarikat penyedia perkhidmatan adalah disarankan merujuk kepada SOP Semburan Udara Racun Makhluk Perosak Menggunakan Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAS) yang dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Racun Perosak & Baja, Jabatan Pertanian.

1. Tujuan prosedur standart operasi (SOP)

- a. Memastikan kerja-kerja semburan racun perosak menggunakan UAS adalah berkesan dan selamat kepada manusia, harta benda, haiwan ternakan serta alam sekitar.
- b. Memastikan penyemburana racun makhluk perosak dengan UAS mematuhi segala peraturan dan undang-undang berkaitan iaitu Akta Penerbangan Awam 1969 [akta 3] dan undang-undang kecil di bawahnya termasuk Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 (14 April 2016) dan juga Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan undang-undang kecil di bawahnya.
- c. Memastikan racun perosak yang digunakan adalah dilulus penggunaannya oleh LRMP dan telah mematuhi semua syarat sedia ada.

2. Syarat Penerbangan

- a. Setiap operasi penerbangan UAS bagi tujuan semburan racun makhluk perosak perlu mendapatkan permit penerbangan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), dengan merujuk Civil Aviation Directive – UNMANNED AIRCRAFT SYSTEM (Agricultural UAS Operation)
- b. Ketinggian penerbangan UAS mestilah tidak melebihi had yang dibenarkan oleh CAAM dari aras tanah.
- c. UAS tidak boleh diterbangkan di ruang udara kelas A, B, C, G dan zon trafik lapangan terbang (aerodrome traffic zone).
- d. Operator UAS hendaklah memastikan jarak yang selamat daripada manusia, haiwan, bangunan, struktur binaan, tiang lampu, dan pencawang elektrik yang boleh mendatangkan bahaya.

- e. Dilarang menyembur di kawasan yang terdapat peternakan lebah dan kelulut, serta kawasan yang terdapat aktiviti serangga ini kerumun terutama musim bunga.
- f. Dilarang menyembur racun makhluk perosak di atas atau berdekatan terusan, anak air, anak sungai, kolam atau kawasan tадahan air.
- g. UAS tidak boleh membawa apa-apa bahan-bahan yang berbahaya seperti bahan letupan, bahan mudah terbakar dan lain-lain, kecuali bahan kimia yang didaftarkan dengan Akta Racun Makhluk Perosak 1974.
- h. UAS hanya digunakan membawa muatan racun makhluk perosak yang berdaftar dengan LRMP atau baja atau bahan pelengkap atau biji benih sahaja.
- i. Operator UAS hendaklah memastikan frekuensi radio peralatan menepati syarat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).
- j. Setelah mendapat permit penerbangan, bagi setiap aktiviti penerbangan operator hendaklah memberikan notifikasi dengan menggunakan borang UAS.LRMP.1 secara spesifik yang menyatakan; -
 - i. Syarikat, atau operator UAS
 - ii. No lot tanah
 - iii. Keluasan operasi
 - iv. Pemilik tanah
 - v. Jenis tanaman
 - vi. Nama penyakit
 - vii. Nama perosak
 - viii. Jenama racun makhluk perosak yang digunakan
 - ix. Plan penerbangan UAS yang diluluskan oleh CAAM
- k. Notifikasi boleh dihantar dengan menggunakan email di alamat efikasi. bkrpb@doa.gov.my atau serahan dokumen di pejabat Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja Negeri yang berdekatan.
- l. Bagi pencegahan makhluk perosak terhadap tanaman yang sudah diistihar serangan merebak (Outbreak) oleh Jawatankuasa Pengurusan Perosak Peringkat Nasional yang kaedah kawalannya perlu menggunakan UAS, perlu mendapatkan kelulusan permit penerbangan dari CAAM dengan memenuhi syarat yang ditetapkan. (kelulusan segera boleh dipertimbangkan dalam situasi ini).

- m. Menggunakan racun makhluk perosak yang dilulus dan didaftarkan dengan pengesyoran penggunaan dengan UAS pada label dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP).
- n. Racun tersebut hendaklah mempunyai syor untuk digunakan bersama UAS dan dinyatakan pada label.

3. Prosedur penggunaan racun makhluk perosak

3.1 Sebelum operasi

- a. Kenalpasti dengan betul masalah dan angarkan potensi kerosakan akibat perosak berkenaan, jika perlukan khidmat nasihat boleh berhubung dengan Jabatan Pertanian berdekatan.
- b. Dapatkan nasihat bagi kaedah kawalan alternatif dan gunakan racun makhluk perosak hanya bila diperlukan sahaja.
- c. Jika kaedah kawalan perosak dengan menggunakan racun makhluk perosak dipilih, tentukan kaedah semburan yang terbaik mengikut jenis perosak, keluasan tanaman, dan jenis alat semburan.
- d. Jika kaedah semburan udara dengan menggunakan aplikasi UAS merupakan kaedah kawalan yang paling sesuai, syarat penerbangan hendaklah di patuhi.
- e. Pastikan sistem UAS, termasuk alat kawalan jauh, telah dikalibrasi dan semuanya dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- f. Periksa dan pastikan racun makhluk perosak yang digunakan mempunyai pengesyoran untuk digunakan bersama UAS dan bantuan racun telah mengikut arahan pada label racun.
- g. Menyediakan kelengkapan keselamatan peribadi seperti sarung tangan, cermin mata keselamatan, apron, penutup hidung dan mulut yang betul ketika membancuh dan menggunakan racun makhluk perosak.
- h. Pastikan tangki dan komponen semburan untuk racun serangga dan racun kulat adalah berlainan dari racun rumput.
- i. Menyediakan air bersih secukupnya, kit pertolongan cemas dan nombor talian kecemasan bagi sebarang kemungkinan dan situasi kecemasan penggunaan racun makhluk perosak.
- j. Pastikan kawasan penerbangan telah memenuhi syarat

- penerbangan dengan mengambil kira elemen keselamatan dan kawasan larangan penggunaan UAS.
- k. Kawasan yang akan disembur racun makhluk perosak dikenalpasti dengan jelas.
 - l. Memaklumkan kepada orang awam berhubung operasi semburan udara racun makhluk perosak menggunakan UAS.

3.2 Semasa operasi

- a. Operator UAS memastikan kawasan penerbangan UAS dan semburan bebas daripada manusia, haiwan, dan sumber air.
- b. Pastikan jarak yang selamat daripada bangunan atau struktur binaan yang boleh mendatangkan bahaya.
- c. Meletakkan penandaan seperti belon berisi gas helium, bendera, dan papan tanda dengan pernyataan seperti AWAS, BAHAYA, KAWASAN SEMBURAN, DILARANG MASUK dan apa apa pernyataan yang sesuai.
- d. Operator memakai kelengkapan keselamatan peribadi semasa membancuh dan mengendali racun makhluk perosak.
- e. UAS mesti boleh dilihat oleh operator semasa penerbangan dilakukan.
- f. Pastikan arah dan kelajuan angin sesuai dengan tujuan semburan bagi mengelakkan racun makhluk perosak tempias ke tempat lain.
- g. Pastikan ketinggian penerbangan UAS dan kawasan semburan adalah seperti yang adalah seperti yang diluluskan
- h. Hentikan operasi serta merta jika berlaku gangguan kepada UAS, nozel tersumbat, gangguan daripada orang awam, haiwan ternakan, cuaca, dan apa-apa keadaan yang boleh mendatangkan bahaya.

3.3 Selepas operasi

- a. Setiap operasi semburan UAS perlu direkod, terutamanya lokasi, luas kawasan, tarikh, masa semburan, jenis racun dan lain-lain yang dikira perlu.
- b. Bersihkan bahagian UAS, kipas, motor dan nozel dari sisa semburan racun makhluk perosak.

- c. Tangki racun perosak perlu dibersihkan dengan baik. Pastikan tangki dan komponen semburan untuk racun serangga dan racun kulat adalah berlainan dari racun rumput.
- d. Simpan racun makhluk perosak yang tidak digunakan di stor penyimpanan.
- e. Lupuskan bekas racun makhluk perosak yang kosong seperti dinyatakan pada label.
- f. Lebihan bantuan di dalam tangki semburan hendaklah dilupuskan dengan kaedah yang pelupusan racun makhluk perosak.
- g. Bersih atau lupuskan pakaian dan kelengkapan keselamatan yang telah digunakan.
- h. Bersihkan alatan penyembur, tangka bantuan dan UAS sebelum operasi semburan berikutnya.
- i. Operator UAS juga perlu membersihkan diri dengan segera. Jangan makan, minum dan merokok sebelum membersihkan diri.

4. Tindakan sekiranya berlaku kecemasan

- a. Membuat rawatan awal kecemasan akibat penggunaan racun makhluk perosak.
- b. Operator mesti melaporkan di talian kecemasan, klinik, atau hospital berdekatan bagi kes kecemasan seperti keracunan atau kecederaan kepada sesiapa yang terlibat dengan operasi semburan udara dengan aplikasi UAS secara langsung atau tidak.
- c. Sebarang kejadian keracunan dikalangan pekerja atau orang awam akibat dari penggunaan racun makhluk perosak mesti dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah dan LRMP dengan segera.

Lampiran 1

UAS.LRMP.1

**BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA
JABATAN PERTANIAN**

**BORANG NOTIFIKASI MENJALANKAN SEMBURAN UDARA RACUN MAKHLUK
PEROSAK MENGGUNAKAN SISTEM PESAWAT TANPA PEMANDU (UAS)**

Nama pemohon	:	
Alamat	:	
No. Telefon	:	
e-mail	:	
Tarikh operasi	:	
Masa operasi	:	
Kawasan operasi	:	Pemilik : No Lot : Keluasan :
Maklumat tanaman	:	Jenis tanaman : Nama Penyakit : Nama Perosak :
Maklumat pengendali dron	:	
Racun makhluk perosak yang digunakan (senaraikan)	:	Jenama racun : Bahan aktif : Jenama racun : Bahan aktif :

Nota: Perlu lampirkan permit dan plan operasi penerbangan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) bersama borang ini.

CHECK UTAMA 8

PENGURUSAN PENUAIAN

Pastikan Aktiviti Penuaian Dipantau Bagi Mengurangkan Kehilangan Hasil Semasa Penuaian

1. Keringkan air di dalam petak sawah 10 – 14 hari sebelum penuaian dilaksanakan.
2. Tuai padi apabila 85-90% biji padi dalam tangkai berwarna kuning.
3. Penuaian dijalankan dalam keadaan persekitaran sawah yang kering dan tidak berembun, biasanya antara pukul 11.00 pagi - 6.00 petang dan elakkan menuai pada waktu hujan.
4. Jentuai mesti dibersihkan dahulu sebelum penuaian dijalankan supaya bebas daripada padi angin, rumpai dan siput gondang.
5. Operasi jentuai mesti diawasi untuk mengurangkan kehilangan hasil dan menjamin kualiti hasil, melalui tumpuan kepada perkara berikut:
 - a. Pastikan pelarasan jentuai dilakukan pada bahagian pengaut, pemotong dan kipas pengangin supaya dapat beroperasi pada kecekapan yang tinggi.
 - b. Pokok padi perlu dipotong $\frac{1}{3}$ daripada hujung ketinggian pokok dan lebar tuaian perlu diselaraskan $\frac{3}{4}$ daripada lebar meja pemotong.
 - c. Jentuai beroperasi pada kelajuan sederhana (<4km/jam).
 - d. Jentuai perlu dikendalikan dengan cermat terutamanya ketika membekok bagi mengurangkan kerosakan pada tanah.
 - e. Penggunaan jentuai mini adalah disyorkan bagi kawasan yang mengalami masalah tanah lembut (Keupayaan galas tanah <3.0 kg/cm²).

CHECK UTAMA 9

PENGENDALIAN PADI LEPAS TUAI

Pastikan Padi yang Telah Dituai Di hantar Segera Ke Kilang bagi Mengekalkan Mutu Padi

1. Lori membawa padi hendaklah bertutup dengan kanvas. Lantai dan dinding lori tidak bocor untuk mengelakkan kehilangan hasil.
2. Padi yang dituai hendaklah dihantar ke pusat pengeringan/ kilang dalam tempoh 24 jam.
3. Pesawah perlu hadir semasa pemutuan padi dilaksanakan di kilang.

PERHATIAN:

Penentuan kualiti bijian padi bergantung kepada kandungan lembapan, bijian padi muda, bijian padi rosak dan kotoran/bendasing. Kandungan kotoran/bendasing dan bijian padi muda adalah dua faktor utama menyumbang kepada pemotongan yang tinggi.

CHECK UTAMA 10

PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Pastikan Racun Digunakan Secara Berhemah Untuk Kelestarian Alam Sekitar Bagi Menjamin Hasil Padi Yang Berkualiti Dan Selamat

1. Gunakan racun yang disyorkan dan berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak sahaja.
2. Baca dan patuhi segala keterangan yang tercatat pada label racun sebelum menggunakan racun.
3. Sekiranya kawalan perlu diulangi, gunakan racun perosak yang mempunyai cara tindakan yang berlainan untuk mengurangkan kesan kerintangan.
4. Jangan buang air sawah ke parit utama dalam tempoh 24 jam selepas semburan racun.
5. Semua bekas racun perosak hendaklah dibilas 3 kali dan ditebuk sebelum dihantar ke pusat pengumpulan bekas racun untuk pelupusan.

RUJUKAN

1. Buku Paket Teknologi Padi, Jabatan Pertanian, Cetakan Kedua, Tahun 2015
2. Phamplet Rice - Check, Amalan Pertanian Baik untuk Meningkatkan Hasil dan Mutu Padi, 2018
3. Buku Poket: Perosak, Penyakit dan Rumpai Padi di Malaysia, MARDI
4. Pengurusan Perosak Bersepadu Tanaman Padi ke Arah Pengeluaran Berlestari, MARDI
5. Sistem Maklumat Racun Makhluk Perosak (SISMARP)
6. Crop Protection Compendium, CABI retrieved on 31st March 2021
7. Pengurusan Makhluk Perosak Bersepadu (Padi) - Konsep dan Perlaksanaannya (1986), Jabatan Pertanian
8. Pest Management – IRRI Rice Knowledge Bank
9. IRRI Knowledge Bank - www.knowledgebank.irri.org
10. Management of Rice Insect Pest – ipmworld.umn.edu
11. Rice farming: saving water through Alternate Wetting Drying (AWD) method, Indonesia, IRRI, 2013.
12. Shouichi Yoshida, Fundamentals Of Rice Crop Science, IRRI, 1981.
13. Belder P, Spiertz JHJ, Bouman BAM, Tuong TP. 2005. Nitrogen economy and water productivity of lowland rice under water saving irrigation. Field Crops Research 93: 169–185.
14. Bouman BAM, Humphrey E, Tuong TP, Barker R. 2007. Rice and water. Advances in Agronomy 92(4): 187–237.
15. Estimate of Rice Consumption in Asian Countries and The World Towards 2050 – Alias bin Abdullah, Shoichi Ito & Kelali Adhana – Tottori University.
16. K. Avil Kumar, G. Rajitha. 2019. Alternate Wetting and Drying (AWD) Irrigation – A Smart Water Saving Technology for Rice: A Review.
17. Bouman, B.A.M. 2009. How much does rice use? Rice Today. 8: 28-29.
18. Md Rahedul Islam, Wataru Takeuchi. AWD Irrigation Techniques in Rice Paddy Irrigation: A Great Opportunity for Bangladesh.
19. Sarena Che Omar, Ashraf Shaharudin and Siti Aiysyah Tumin. 2019. Khazanah Research Institute. The Status of the Paddy and Rice Industry in Malaysia.

PENGHARGAAN

Jabatan Pertanian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan Buku *Rice Check Tanaman Padi* Edisi 2022 ini.

Penghargaan khusus juga ditujukan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta bahagian-bahagian teknikal Jabatan Pertanian yang telah memberikan komitmen penuh dalam usaha penerbitan buku ini.

Terima kasih.



ISBN 978-983-047-315-4

9 789830 473154

JABATAN PERTANIAN
Aras 7-17, Wisma Tani,
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya Malaysia